



Manual Pengurusan *Umrah* Kanak-Kanak

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)



Umrah

Manual Pengurusan
Kanak-Kanak

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI

JABATAN PERDANA MENTERI

www.jawhar.gov.my

Cetakan Pertama 2024

© Jabatan Wakaf Zakat dan Haji

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Blok E2, Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya.

Diterbitkan oleh:

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Jabatan Perdana Menteri,

Aras 8 – 9, Blok D,

Kompleks Islam Putrajaya (KIP),

Jalan Tun Abdul Razak,

Presint 3, 62100 Putrajaya.

No. Tel: 603-8883 7400 Faks: 603-8883 7406

Dicetak oleh:

Aras Mega (M) Sdn. Bhd. (198701005571)

No 18 & 20, Jalan Damai 2,

Taman Desa Damai, Sg. Merab, 43000 Kajang, Selangor.

Email: amsb@arasmega.com

Laman web: www.arasmega.com

No. Tel: 603-03-89258975 Faks: 03-89258985

KANDUNGAN

Kata Alu-aluan	v
BAB 1: PENDAHULUAN	1
Pengenalan	2
Faktor Penerbitan Manual	2
Skop	3
Justifikasi Penyediaan Manual	4
Kesimpulan	4
BAB 2: IBADAH UMRAH	5
Pengenalan	6
Dalil Pensyariatan Umrah	6
Kelebihan Mengerjakan Umrah	8
Syarat, Rukun dan Wajib Umrah	8
Syarat Wajib Umrah	8
Rukun Umrah	10
Wajib Umrah	14
Dam dan Penyelesaiannya	15
BAB 3: UMRAH KANAK-KANAK	18
Pengenalan	19
Definisi Kanak-kanak	19
Hukum Kanak-kanak Melaksanakan Ibadah Umrah	22
Kaedah Pelaksanaan Umrah Kanak-kanak	23
1. Pertama: Niat Umrah	23
2. Rukun Kedua: Tawaf	27
3. Rukun Ketiga: Sai'e	30
4. Rukun Keempat: Bercukur/Bergunting	31

Peranan Ibu Bapa/Wali/Penjaga/Mutawif/Syarikat Pengendali Umrah	31
1. Peranan Ibu Bapa / Wali / Penjaga	31
2. Peranan Mutawwif	32
3. Peranan Pengendali Syarikat Umrah	33
Isu dan Permasalahan Umrah Kanak-kanak	34
BAB 4: RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN YANG BERKAITAN DENGAN HAJI DAN UMRAH KANAK-KANAK	36
BAB 5: PENUTUP	39
Rujukan	41

Kata Alu-aluan

Ketua Pengarah

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji

Assalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh.

Alhamdulillah, pujian dan syukur hanya kepada Ilahi, Tuhan pencipta alam, kerana dengan taufik dan inayah-Nya, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dapat menyiapkan dan mempersembahkan naskhah *Manual Pengurusan Umrah Kanak-kanak* (MPUK). Pertama-tamanya saya ingin menghadiahkan sekalung tahniah dan terima kasih kepada pasukan, Dato' Hj. Md. Daud bin Che Ngah, Ustaz Lukmanul Hakim Hj. Hanafi, Tn. Hj. Tajul Urus bin Abdul Halim yang telah berusaha untuk menghasilkan manual yang bermanfaat ini. Begitu juga kepada warga JAWHAR yang telah bertungkus lumus menyiapkan MPUK ini, walaupun terdapat pekbagai kekangan yang melanda.

Penyediaan dan penerbitan manual ini merupakan inisiatif JAWHAR untuk dijadikan sebagai panduan kepada masyarakat awam dan juga kepada syarikat pengendali umrah. Ini adalah kerana, setakat ini belum ada suatu bentuk manual yang khusus ibadah umrah kepada kanak-kanak diwujudkan.

Umum mengetahui bahawa aktiviti umrah bersama keluarga biasanya akan melibatkan kanak-kanak. Justeru, ramai dalam kalangan ibu bapa yang tidak cakna mengenai kesempurnaan ibadah umrah anak-anak mereka. Walaupun perkara ini kelihatan remeh namun secara sedar atau tidak sedar, para ibu bapa atau mahupun individu yang membawa kanak-kanak mengerjakan umrah terdedah kepada kesilapan atas kejahilan mereka. Kesannya amat besar dari sudut hukum ke atas kanak-kanak tersebut serta penjaga mahupun walinya.

Akhir kalam, MPUK ini diterbitkan sebagai tanggungjawab JAWHAR dengan harapan supaya ibu bapa/wali/penjaga/mutawif/syarikat pengendali umrah dapat menguruskan pelaksanaan umrah kanak-kanak yang belum mencapai usia aqil baligh dengan sempurna dan diterima oleh Allah SWT. Semoga MPUK ini menjadi panduan khusus dan memberi manfaat kepada masyarakat Islam di Malaysia sekali gus membawa kebaikan dan memperoleh redha Allah SWT serta mencapai *Maqasid Syariah* yang ditetapkan.


DATO' SELAMAT BIN PAIGO

Ketua Pengarah

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

BAB 1

PENDAHULUAN



Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan sempurnakanlah ibadah haji dan umrah kerana Allah ..."

(Surah al-Baqarah 2: 196)

PENGENALAN

Ibadah umrah telah disyariatkan kepada seluruh umat Islam berdasarkan dalil daripada al-Qur'an dan hadith Rasulullah SAW. Pada masa ini, terdapat ramai dalam kalangan ibu bapa yang membawa anak-anak kecil untuk melaksanakan ibadah tersebut. Hal ini disebabkan visa yang dikeluarkan oleh Kerajaan Arab Saudi ke atas ibadah umrah tidak terikat dengan kuota sebagaimana ibadah haji. Keadaan ini mendorong mereka yang berkeluarga dan berkemampuan untuk turut membawa bersama kanak-kanak yang belum mencapai usia aqil baligh bagi menuaikan ibadah umrah.

FAKTOR PENERBITAN MANUAL

Penerbitan manual ini adalah berdasarkan faktor-faktor berikut:

1. Perbincangan berkaitan ibadah umrah kanak-kanak di Malaysia tidak dibincangkan secara meluas.
2. Ibu bapa, penjaga, wali, mutawif dan pengendali umrah kepada kanak-kanak yang melaksanakan ibadah umrah tidak mendapat pendidikan dan pendedahan yang sempurna seperti tiada penekanan yang khusus mengenai ibadah umrah kanak-kanak.
3. Kurang kesedaran dalam kalangan ibu bapa, penjaga, wali, mutawif dan pengendali umrah tentang implikasi terhadap kanak-kanak yang melaksanakan ibadah umrah tetapi tidak menunaikannya dengan sempurna.

4. Wujud perbezaan pandangan dalam perlaksanaan umrah kanak-kanak yang belum mencapai usia aqil baligh menyebabkan ibu bapa mencari keringanan dalam menunaikan umrah tanpa berlandaskan pandangan mazhab Syafi'i dan Keputusan Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan.
5. Kelemahan perancangan dan pengurusan ibadah umrah oleh ibu bapa dalam melaksanakan ibadah umrah kanak-kanak disebabkan oleh kekurangan panduan dan pengalaman dalam urusan ibadah umrah. Kelemahan ini turut melibatkan pihak pengendali pakej umrah yang membawa mereka menunaikan umrah.
6. Kebimbangan mengenai kesahan ibadah umrah kanak-kanak sekiranya tidak dilakukan mengikut syariah.
7. Pengurusan umrah kanak-kanak perlu mengikut dasar *Maqasid Syariah*.

SKOP

Skop kandungan *Manual Pengurusan Umrah Kanak-kanak* (MPUK) disusun untuk menerangkan secara menyeluruh dan terperinci mengenai setiap perkara yang perlu dilakukan oleh ibu bapa yang membawa anak-anak mereka yang belum mencapai usia aqil baligh, iaitu sebelum, semasa dan selepas menunaikan umrah.

Kandungan manual ini merangkumi perkara berkaitan pensyariatan umrah, pelaksanaan umrah kanak-kanak, peranan ibu bapa/wali/penjaga/mutawif/syarikat pengendali umrah serta isu dan permasalahan umrah kanak-kanak termasuk Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan yang berkaitan dengan topik.

JUSTIFIKASI PENYEDIAAN MANUAL


1. Kekurangan rujukan khusus berkenaan ibadah umrah yang dilaksanakan oleh kanak-kanak yang belum mencapai usia aqil baligh.
2. Kurang kefahaman mengenai peranan ibu bapa/ wali penjaga/ mutawif/syarikat pengendali umrah dalam pelaksanaan umrah kanak-kanak.
3. Kekeliruan ibu bapa dan pihak berkaitan dalam memahami hukum dan pelaksanaan umrah kanak-kanak.
4. Kewujudan pelbagai masalah dan kesukaran kepada ibu bapa dalam mengendalikan umrah kanak-kanak mengikut kaedah *Maqasid Syariah*.
5. Kepentingan penyempurnaan umrah kanak-kanak difahami bukan sahaja oleh ibu bapa/wali/penjaga/mutawif malah menjadi tanggungjawab kepada syarikat pengendali pakej umrah.

KESIMPULAN

MPUK ini diterbitkan sebagai tanggungjawab JAWHAR dengan harapan supaya ibu bapa/wali/penjaga/mutawif/syarikat pengendali umrah dapat menguruskan pelaksanaan umrah kanak-kanak yang belum mencapai usia aqil baligh dengan sempurna dan diterima oleh Allah SWT. Semoga MPUK ini menjadi panduan khusus dan memberi manfaat kepada masyarakat Islam di Malaysia sekali gus membawa kebaikan dan memperoleh redha Allah SWT serta mencapai *Maqasid Syariah* yang ditetapkan.

BAB 2

IBADAH UMRAH



PENGENALAN

Umrah merupakan ibadah yang diwajibkan sekali untuk seumur hidup ke atas umat Islam yang mukallaf lagi berkemampuan. Ibadah ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri seperti yang telah dikhabarkan oleh Rasulullah SAW. Pelaksanaan ibadah ini adalah sebagai bukti ketakwaan kepada Allah SWT dan kecintaan kepada Nabi Muhammad SAW.

DALIL PENSYARIATAN UMRAH

1. Dalil daripada al-Qur'an:

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan sempurnakanlah ibadah haji dan umrah kerana Allah ..."

(Surah al-Baqarah 2: 196)

2. Dalil daripada al-Sunnah:

عَنْ أَبِي رَزِينٍ، قَالَ: حَفْصٌ فِي حَدِيثِهِ رَجُلٌ مِّنْ بَنِي عَامِرٍ أَنَّهُ قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ أَبِي شَيْخٍ كَبِيرٍ لَا يَسْتَطِيعُ الْحَجَّ وَلَا الْعُمْرَةَ وَلَا الطَّعْنَ، قَالَ: احْجُجْ عَنْ أَبِيكَ وَاعْتَمِرْ.

Yang bermaksud: "Dari Abu Razin r.a., Hafsh berkata, bahwasanya seorang lelaki daripada Bani 'Amir bertanya: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya ayahku sudah tua serta tidak mampu untuk menunaikan haji, mahupun umrah dan bermusafir." Lalu Baginda SAW menjawab: "Tunaikanlah haji untuknya dan laksanakanlah umrah." (Riwayat Abu Daud, no. hadith 1810)

3. Dalil Pensyariatan Umrah Kanak-kanak:

Daripada Ibnu Abbas r.a., berkata:

فَرَفَعْتُ إِلَيْهِ امْرَأَةً صَبِيبًا، فَقَالَتْ: أَهِنَا حَجٌّ؟ قَالَ: نَعَمْ،
وَلَكِ أَجْرٌ.

Yang bermaksud: "Seorang wanita telah menunjukkan bayinya kepada Rasulullah SAW lalu bertanya: "Wahai Rasulullah, adakah untuk bayi ini haji?" Baginda menjawab: "Ya, bagi kamu pahalanya." (Riwayat Muslim, hadith 1336)

Daripada Ibnu Abbas r.a. berkata, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا حَجَّ الصَّبِيبُ فَهِيَ لَهُ حَجَّةٌ حَتَّى يَعْقِلَ، وَإِذَا عَقَلَ فَعَلَيْهِ حَجَّةٌ أُخْرَى.

Yang bermaksud: "Apabila seorang kanak-kanak menunaikan haji maka baginya haji sehingga dia berakal (baligh) dan apabila dia telah berakal (baligh) maka baginya haji yang lain." (Riwayat al-Hakim, no. hadith 1769)

KELEBIHAN MENGERJAKAN UMRAH

1. Daripada 'Aisyah r.a., beliau berkata:

قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، هَلْ عَلَى النِّسَاءِ مِنْ جِهَادٍ؟
قَالَ: نَعَمْ، عَلَيْهِنَّ جِهَادٌ لَا قِتَالَ فِيهِ: الْحَجُّ وَالْعُمْرَةُ.

Yang bermaksud: "Aku bertanya, wahai Rasulullah, adakah bagi wanita melaksanakan jihad? Baginda menjawab: "Ya, ke atas mereka jihad yang tiada perangannya padanya, (iaitulah) haji dan umrah." (*Riwayat Ahmad, no. hadith 25322*)

2. Daripada Abu Hurairah r.a., bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الْعُمَرَةُ إِلَى الْعُمَرَةِ تُكَفِّرُ مَا بَيْنَهُمَا وَالْحَجُّ الْمَبُرُورُ لَيْسَ
لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا جَنَّةً

Yang bermaksud: "Ibadah umrah ke satu umrah yang lain adalah penghapus dosa kesalahan antara kedua-duanya dan haji yang mabrur tiada balasan baginya melainkan syurga." (*Riwayat al-Bukhari no. hadith 1773*)

SYARAT, RUKUN DAN WAJIB UMRAH

1. Syarat Wajib Umrah

Syarat yang mewajibkan umrah bagi seseorang itu adalah:

- (a) Islam
- (b) Baligh

Pelaksanaan ibadah umrah bagi kanak-kanak yang belum baligh hukumnya adalah sunat, namun setelah mencapai usia baligh kanak-kanak tersebut perlu melaksanakan ibadah umrah yang wajib ke atas dirinya.

- (c) Berakal

Tidak wajib untuk melaksanakan ibadah umrah bagi orang gila atau orang yang tidak siuman.

- (d) Merdeka

Tidak wajib bagi seorang hamba untuk mengerjakan ibadah umrah namun sekiranya berhasrat untuk

melakukannya maka hamba tersebut perlu mendapatkan keizinan daripada tuannya.

(e) *Istito'ah* (berkemampuan)

Berkemampuan yang dimaksudkan ialah kemampuan dari segi harta (maliyyah) dan fizikal (badaniyyah).

Penjelasan mengenai berkemampuan adalah seperti berikut:

- i. Mampu mengadakan bekalan dan perbelanjaan untuk diri sendiri dan saraan nafkah mereka yang dalam tanggungan dan yang ditinggalkan.
- ii. Mampu mendapatkan kenderaan pergi dan balik.
- iii. Aman perjalanan bagi diri sendiri dan harta daripada musuh dan wabak penyakit.
- iv. Sihat tubuh badan.
- v. Berkesempatan masa untuk mengerjakan haji dan umrah.
- vi. Bagi wanita, hendaklah wujud bersamanya mahram atau wanita yang *thiqah* (boleh dipercayai) dalam perjalanan menuju ke Mekah.

Berkemampuan dengan pertolongan orang lain bermaksud seseorang itu telah cukup semua syarat untuk mengerjakan ibadah umrah namun terdapat keuzuran yang menghalang disebabkan sakit yang tiada harapan untuk sembuh atau terlalu tua atau orang yang telah meninggal dunia serta berkemampuan mengerjakan haji semasa hayatnya. Maka golongan ini boleh mewakilkan kepada orang lain untuk menunaikan ibadah umrah bagi dirinya (badal umrah).

2. Rukun Umrah

Rukun umrah adalah perkara yang mesti dilakukan dalam ibadah umrah dan sekiranya tidak dilakukan maka umrah tersebut tidak sah. Rukun umrah ialah:

(a) Niat umrah

Walau bagaimanapun, sebelum berniat umrah, terdapat perkara sunat untuk dilakukan antaranya:

- i. Mengerat kuku.
- ii. Menanggalkan bulu ketiak dan ari-ari.
- iii. Mengandam misai, janggut dan rambut.
- iv. Mandi sunat ihram.
- v. Memakai minyak rambut.
- vi. Memakai wangian di tubuh, bukan pada pakaian.
- vii. Melakukan solat sunat ihram.

Lafaz niat bagi ibadah umrah adalah seperti berikut:

تَوَيْتُ الْعُمْرَةَ وَأَحْرَمْتُ بِهَا لِلَّهِ تَعَالَى

Yang Bermaksud: “Sengaja aku mengerjakan umrah dan aku berihram dengannya kerana Allah Taala.”

(b) Tawaf

Tawaf ialah mengelilingi Baitullah dengan mengikuti syarat-syaratnya.

Syarat-syarat tawaf umrah:

- i. Suci daripada hadas kecil dan besar.

- ii. Suci badan, pakaian dan tempat tawaf daripada najis.
- iii. Menutup aurat.
- iv. Bermula dan berakhir di penjuru Hajarul Aswad.
- v. Dilakukan di dalam Masjid al-Haram dan di luar Baitullah.
- vi. Sempurna tujuh pusingan dengan yakin.
- vii. Menjadikan Baitullah di sebelah kiri di setiap perjalanan dan berjalan ke hadapan.
- viii. Tidak terpesong niat tawaf.

Perkara sunat ketika tawaf umrah:

- i. Berniat tawaf jika tawaf umrah.
- ii. Ittiba' (اصْطِبَاع) – (membuka bahu sebelah kanan bagi lelaki)
- iii. Sunat mengucup *Hajarul Aswad* atau *istilam* (melambai tangan) sebelum melakukan tawaf.
- iv. Berdoa atau berzikir sepanjang melakukan tawaf.
- v. Membaca doa:

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا
عَذَابَ النَّارِ.

Yang Bermaksud: "Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka."

Di antara Rukun Yamani dan Hajarul Aswad pada setiap pusingan.

- i. Berturut-turut setiap pusingan.
- ii. Melakukan (الرمل) *al-ramal* (berlari-lari anak) bagi lelaki untuk tiga pusingan awal.
- iii. Sembahyang sunat setelah selesai tawaf di belakang makam Ibrahim.
- iv. Minum air zam-zam selepas solat sunat.

(c) Sa'i'e

Sai'e merupakan perbuatan berulang-alik di antara Bukit Safa dan Bukit Marwah dengan mengikuti syarat-syaratnya.

Syarat-syarat sa'i'e:

- i. Dilakukan selepas tawaf yang sempurna.
- ii. Bermula di Bukit Safa dan berakhir di Bukit Marwah.
- iii. Cukup tujuh pusingan dengan yakin (dikira sekali dari Safa ke Marwah).
- iv. Hendaklah sampai ke penghujung tempat sa'i'e.
- v. Sa'i'e hendaklah di Batnul Wadi, iaitu tempat yang dikhaskan untuk sa'i'e.
- vi. Tidak beralih niat yang memesongkan tujuan sa'i'e.

Perkara-perkara sunat ketika bersa'i'e:

- i. Menuju ke tempat sa'i'e melalui Bab al-Safa.
- ii. Menaiki Bukit Safa dan Bukit Marwah serta berzikir di atasnya.
- iii. Menghadap kiblat dan mengangkat tangan serta

bertakbir di Safa dan Marwah.

- iv. Berlari-lari anak bagi lelaki apabila sampai di tempat bertanda lampu hijau.
- v. *Muwallat* (berturut-turut perjalanan).
- vi. Suci daripada hadas besar dan hadas kecil serta menutup aurat.
- vii. Sunat berjalan kaki dan tanpa memakai alas kaki.
- viii. Berdoa atau berzikir sepanjang mengerjakan sa'ie.
- ix. Suci daripada najis.

(d) *Tahallul* (Bercukur/Bergunting)

Bercukur/bergunting ialah menggugurkan rambut di kepala untuk melepaskan diri daripada larangan ihram yang dilakukan setelah selesai melakukan tawaf dan sa'e.

(e) Tertib

Tertib bermaksud atur cara ibadah umrah dilaksanakan mesti mengikut turutan tanpa boleh mendahului antara satu sama lain seperti mendahulukan sai'e daripada tawaf atau mendahulukan bergunting/bercukur daripada sai'e.

3. Wajib Umrah

Wajib umrah adalah perkara yang perlu dilakukan semasa melakukan ibadah umrah. Sekiranya ditinggalkan, umrah yang dilakukan dikira masih sah dan diterima tetapi dikenakan dam. Wajib umrah ialah:

- (a) Berniat umrah di miqat yang telah ditetapkan.
(sekiranya jemaah tidak berniat di miqat yang ditetapkan maka dikenakan keatasnya dam tertib dan taqdir)
- (b) Menjaga larangan ketika berada dalam ihram. Larangan-larangan tersebut ialah:
 - i. Memakai pakaian bersarung/berjahit/bercantum seperti seluar, baju, sarung kaki, kasut yang menutup jari kaki serta tumit dan seumpamanya (lelaki).
 - ii. Menutup kepala atau sebahagian daripadanya seperti songkok, kopiah, serban dan topi (lelaki).
 - iii. Menutup muka (wanita).
 - iv. Memakai sarung tangan (lelaki dan wanita).
 - v. Memakai wangi-wangian sama ada pada badan, pakaian, makanan, minuman atau menghidunya (lelaki dan wanita).
 - vi. Memakai minyak di kepala, janggut dan semua bulu muka selain daripada yang tumbuh di pipi dan dahi (lelaki dan wanita).
 - vii. Menanggalkan rambut atau bulu dari anggota badan (lelaki dan wanita).
 - viii. Mengerat atau memotong kuku (lelaki dan wanita).
 - ix. Memotong, menebang, mengerat, mencabut pokok-pokok di Tanah Haram Mekah (lelaki dan wanita).
 - x. Memburu binatang buruan darat yang halal dimakan atau membinasakannya di Tanah Halal atau Haram (lelaki dan wanita).
 - xi. Melakukan pendahuluan persetubuhan (lelaki dan wanita).

- xii. Melakukan persetubuhan (lelaki dan wanita).
- xiii. Berkahwin, mengahwinkan atau menerima wakil kahwin (lelaki dan wanita).

4. Dam dan Penyelesaiannya

Semua pelanggaran ke atas larangan ihram ini dikenakan dam (seperti dalam jadual di bawah) mengikut kadar yang ditentukan oleh syarak dalam bab dam dan tidak membatalkan niat ihramnya kecuali kesalahan persetubuhan. Sementara, bagi perkara akad nikah tidak dikenakan dam tetapi tidak sah nikahnya jika masih dalam ihram.

Taraffuh (Bersuka/Berseronok/Berhias)		
1.	Menutup kepala (lelaki)	<i>Dam Takhyir dan Taqdir</i>
2.	Berpakaian sarung (lelaki)	
3.	Menutup muka (perempuan)	
4.	Sarung tangan	
5.	Bau-bauan	
6.	Minyak di kepala dan janggut	
7.	Muqaddimah jima'	
8.	Bersetubuh	<i>Dam Tertib dan Ta'dil</i>
9.	Nikah kahwin	Tiada Dam
Sengaja: Berdosa & dikenakan dam. Tidak sengaja/Jahil: Tidak berdosa & tidak dikenakan dam.		

Itlaf (Menggugur/Menghilang/Merosak/ Membinasa)		
1.	Bulu atau rambut di badan	<i>Dam Takhyir dan Taqdir</i>
2.	Kuku	
3.	Memburu dan membunuh binatang buruan	<i>Dam Takhyir dan Ta'dil</i>
4.	Menebang, mencabut pokok atau tumbuh-tumbuhan	
Sengaja/Tidak sengaja/Jahil: Tidak berdosa dan dikenakan dam.		

- (a) *Dam Takhyir dan Taqdir*
- i. Menyembelih seekor kambing; atau
 - ii. Berpuasa selama tiga hari; atau
 - iii. Memberi makan fakir miskin Mekah sebanyak dua cupak seorang seramai enam orang.

(b) *Dam Tertib dan Taqdir*

- i. Menyembelih seekor kambing atau 1/7 daripada unta atau lembu yang mencukupi syarat untuk dibuat korban; sekiranya tidak mampu,
- ii. Berpuasa selama sepuluh hari, tiga hari di Tanah Suci Mekah dan tujuh hari setelah kembali ke tanah air; sekiranya tidak mampu,
- iii. Memberi makan sepuluh cupak makanan asasi kepada fakir miskin; jika tidak mampu,
- iv. Tertanggunglah ke atas *zimmahnya*.

(c) *Dam Takhyir dan Ta'dil*


- i. Menyembelih *al-an'am* (binatang ternakan) mengikut bandingan binatang atau pokok; atau
- ii. Membeli makanan mengikut nilai harga binatang ternakan *al-an'am* dan disedekahkan kepada fakir miskin di Tanah Haram Mekah; atau
- iii. Berpuasa beberapa hari sebanyak bilangan cupak makanan yang dapat dibeli mengikut nilai binatang ternakan *al-an'am*.

(d) *Dam Tertib dan Ta'dil*

- i. Menyembelih seekor unta yang boleh dibuat korban; jika tidak mampu,
- ii. Menyembelih seekor lembu; jika tidak mampu,
- iii. Menyembelih tujuh ekor kambing; jika tidak mampu,
- iv. Membeli makanan asasi Mekah dengan nilai harga unta, sedekahkan kepada fakir miskin di Tanah Haram; jika tidak mampu,
- v. Berpuasa sebanyak hari mengikut nilai cupak makanan yang boleh dibeli dengan nilai seekor unta.

BAB 3

UMRAH KANAK-KANAK



Dalil hadith:

رَفَعَتْ إِلَيْهِ امْرَأَةٌ صَبِيًّا، فَقَالَتْ: أَهِذَا حَجُّ؟ قَالَ: نَعَمْ،
وَلَكِ أَجْرٌ.

Yang bermaksud: "Seorang wanita telah menunjukkan bayinya kepada Rasulullah SAW lalu bertanya: "Wahai Rasulullah, adakah untuk bayi ini haji?" Baginda menjawab: "Ya, bagi kamu pahalanya." (Riwayat Muslim, no. hadith 1336).

PENGENALAN

Sejajar dengan perkembangan zaman dan kemudahan untuk melaksanakan ibadah umrah, ramai dalam kalangan ibu bapa yang membawa bersama-sama mereka anak-anak yang masih kecil untuk melaksanakan ibadah umrah. Sungguhpun demikian, terdapat juga dalam kalangan mereka yang tidak mengetahui implikasi terhadap anak-anak sekiranya ibadah umrah yang dilakukan tidak dilaksanakan dengan sempurna. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh kekurangan bahan rujukan ataupun pendedahan yang berkaitan dengan permasalahan umrah kanak-kanak.

Oleh yang demikian, para ibu bapa perlu mengetahui dengan jelas hukum-hakam dan tatacara kanak-kanak melakukan ibadah umrah supaya ibadah tersebut menjadi sah dan diterima.

DEFINISI KANAK-KANAK

Kategori peringkat umur manusia. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*:

1. Bayi: Anak kecil yang baru dilahirkan (dua tahun ke bawah).

2. Kanak-kanak: Budak lelaki atau perempuan yang masih kecil (biasanya yang belum berumur lebih daripada tujuh atau lapan tahun).
3. Remaja: Mulai dewasa, sudah aqil baligh, sudah cukup umur untuk berkahwin.
4. Dewasa: Sudah baligh, sudah berumur 21 tahun ke atas, sudah cukup besar (dianggap matang dalam keadaan biasa).

Dari sudut perundangan sivil, menurut Seksyen 2 (1) Akta Kanak-Kanak 2001 menyebutkan bahawa kanak-kanak adalah seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun. Rujuk Akta 611 (Akta Kanak-Kanak 2001, halaman 16).

Dari sudut bahasa Arab, Ibn Manzhur dalam kitabnya *Lisan al-Arab* menyebut *al-sighar* dari sudut bahasa bermaksud: Kurang saiznya atau kurang umurnya maka dia adalah *saghir* (kecil). Ia adalah perkataan yang berlawanan dengan besar. Manakala dari sudut istilah, ia membawa maksud: suatu ciri yang dikaitkan dengan seorang manusia semenjak kelahirannya sehingga dia bermimpi (baligh). (Lihat *Kasyf al-Asrar* oleh al-Bazdaqi 4/1358).


Manakala berdasarkan syarak, had aqil baligh menjadi ukuran penetapan hukum asas kepada syariah seperti ketetapan *mumayyiz* (perbezaan pengetahuan kanak-kanak ke atas buruk baik, bersih kotor dalam kehidupan sehari-hari).

Keterangan ini berdasarkan hadith Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Sayidina Ali bin Abi Talib r.a. daripada Nabi SAW bersabda:

رُفِعَ الْقَلْمُ عَنْ ثَلَاثَةِ: عَنِ النَّائِمِ حَتَّىٰ يَسْتَيْقِظَ، وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّىٰ يَحْتَلِمَ، وَعَنِ الْمَجْنُونِ حَتَّىٰ يَعْقِلَ.

Yang bermaksud: "Pena diangkat (tidak dikira berdosa) daripada tiga golongan: Orang yang tidur sehingga dia bangun (sedar dari tidurnya), anak kecil sehingga dia bermimpi (baligh) dan orang gila sehingga dia waras." (Riwayat Abu Daud, hadith 4413,).

Dalam Islam, kanak-kanak yang belum baligh terbahagi kepada dua kategori, iaitu *mumayyiz* dan belum *mumayyiz*.



Pembahagian *mumayyiz* disandarkan kepada hadith berikut:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرُو بْنِ العاصِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مُرُوا أَوْ لَادُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ، وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ سِنِينَ، وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ.

Yang bermaksud: *Daripada Abdullah bin 'Amru r.a., beliau berkata, Rasulullah SAW bersabda: "Perintahkanlah anak-anak kamu untuk menunaikan solat apabila mereka*

berumur tujuh tahun dan pukullah mereka apabila berumur sepuluh tahun; dan pisahkanlah tempat tidur mereka.” (Riwayat Abu Daud, no. hadith 495).

Berdasarkan hadith di atas, ukuran kanak-kanak *mumayyiz* ialah apabila mereka mencecah umur tujuh tahun atau lapan tahun. Kanak-kanak *mumayyiz* dianggarkan dalam pandangan masyarakat biasa dari umur lima tahun ke atas bagi golongan yang cergas pemikiran dan sempurna kesihatannya.

Menurut Imam al-Nawawi, kanak-kanak yang *mumayyiz* ialah yang dapat memahami kata-kata, mampu menjawab soalan yang dikemukakan kepadanya dengan baik, faham maksud kata-kata yang diungkapkan dan sebagainya. Tiada ketetapan tertentu dalam menentukan umur *mumayyiz*. Bahkan ia berbeza menurut perbezaan tahap kefahaman kanak-kanak tersebut terhadap kata-kata yang diungkapkan kepadanya.

HUKUM KANAK-KANAK MELAKSANAKAN IBADAH UMRAH

1. Ibadah umrah yang dilakukan oleh kanak-kanak lelaki atau perempuan sama ada *mumayyiz* atau belum *mumayyiz* adalah sah.
2. Kanak-kanak tersebut mendapat pahala ke atas umrah yang dilakukannya manakala bagi wali yang menguruskan mereka mengerjakan ibadah umrah tersebut turut akan mendapat ganjaran pahala.
3. Wali yang dibenarkan untuk menguruskan kanak-kanak yang belum baligh mengerjakan umrah ialah wali yang berhak menguruskan harta kanak-kanak tersebut. Mereka terdiri daripada bapa kandung, datuk (sebelah bapa) jika tiada bapa kandung, wasi dan hakim. Wali harta boleh juga mengizinkan

orang lain untuk menguruskan kanak-kanak tersebut mengerjakan umrah.

4. Syarat-syarat wali adalah seperti berikut:
 - (a) Baligh dan berakal.
 - (b) Persamaan agama antara wali dengan yang diwalikan. Dengan itu, tiada sabit wilayah (kuasa perwalian) bagi yang bukan Islam.
 - (c) "*Adalah*", iaitu istiqamah di atas perintah agama, berakh�ak mulia dan bermaruah (tidak fasiq).
 - (d) Berkemampuan untuk menjalankan kerja dengan amanah.
 - (e) Memelihara maslahah dan kepentingan orang yang menjadi wali ke atasnya (*al-mawla 'alayh*) dalam menjalankan kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
5. Umrah yang dikerjakan oleh kanak-kanak yang belum baligh adalah sunat dan ia tidak melepaskan kewajipan tersebut ke atas dirinya. Setelah mencapai umur baligh kanak-kanak tersebut hendaklah melakukan semula ibadah umrah yang wajib ke atas dirinya.

KAEDAH PELAKSANAAN UMRAH KANAK-KANAK

1. Rukun Pertama: Niat Umrah

- (a) Sebelum Niat Umrah
 - i. Belum *Mumayyiz*

Semasa di *miqat* atau sebelum *miqat*, wali hendaklah melakukan perkara sunat ihram bagi kanak-kanak yang belum *mumayyiz* seperti dikerat kuku, dimandikan dan diniatkan mandi untuk kanak-kanak tersebut.

Bagi kanak-kanak lelaki ditanggalkan dari tubuhnya pakaian berjahit atau bercantum. Kanak-kanak perempuan pula tidak dipakaikan sarung tangan dan purdah yang menutup muka sebagaimana jemaah wanita yang baligh.

Kemudian, dipakaikan kain ihram yang bersesuaian dengan jantina masing-masing seperti pakaian ihram jemaah yang baligh. Seterusnya, dipakaikan wangian pada tubuhnya. Kanak-kanak lelaki dipakaikan alas kaki yang menampakkan jari-jari kaki dan tumit.

ii. *Mumayyiz*

Kanak-kanak yang *mumayyiz* diajarnya dan disuruh melakukan perkara tersebut dengan sendiri dan dipantau oleh walinya.

Manakala solat sunat ihram bagi kanak-kanak yang belum *mumayyiz* dilakukan oleh walinya dan sekiranya kanak-kanak tersebut adalah *mumayyiz*, solat tersebut dilakukan sendiri oleh kanak-kanak tersebut.

(b) Niat Ihram Umrah

i. Belum *Mumayyiz*

Wali meniatkan ihram umrah bagi kanak-kanak yang belum *mumayyiz* seperti niat berikut:

"Sahaja aku berniat ihram umrah untuk anak aku (atau kanak-kanak di bawah jagaanku) ini kerana Allah Taala."

Perbuatan wali meniatkan umrah bagi kanak-kanak tersebut tidaklah menjadikan dirinya masuk ke dalam ihram umrah.

Tidak disyaratkan bagi wali untuk meniatkan ihram umrah bagi dirinya terlebih dahulu selagi belum lagi mengerjakan umrah (umrah boleh diniat untuk dilaksanakan bagi anak terlebih dahulu sebelum berniat untuk mengerjakan umrah bagi dirinya sendiri).

Wali boleh meniatkan ihram bagi kanak-kanak di bawah jagaannya walaupun dia sendiri belum lagi mengerjakan umrah.

ii. *Mumayyiz*

Bagi kanak-kanak yang *mumayyiz* diajarkan supaya berniat sendiri sebagaimana niat jemaah yang sudah baligh.

Niat ihram oleh kanak-kanak yang *mumayyiz* dikira sah selepas mendapat kebenaran wali. Wali juga boleh meniatkan umrah untuk kanak-kanak yang *mumayyiz*.

(c) Selepas Niat Umrah

i. Belum *Mumayyiz*

Niat bersyarat bagi kanak-kanak ini boleh dilakukan sebagaimana jemaah yang baligh. Walinya boleh meniatkan ihram secara bersyarat yang sesuai dengan halangan yang dijangka akan dihadapi bagi menguruskan kanak-kanak tersebut untuk menyempurnakan umrahnya. Walinya juga bertalbiah untuknya.

ii. *Mumayyiz*

Bagi kanak-kanak yang *mumayyiz* diajarnya niat bersyarat yang bersesuaian dengan halangan yang dijangka boleh menghalang untuk menyempurnakan

umrah tersebut. Selepas berniat juga, wali hendaklah menyuruh kanak-kanak ini supaya bertaubiah dengan sendiri.

(d) Larangan Ihram

Selepas diniatkan (belum *mumayyiz*) atau berniat (*mumayyiz*), wali wajib memastikan kanak-kanak yang telah berihram itu tidak melakukan larangan-larangan dalam ihram.

Konsep larangan ihram bagi kanak-kanak yang belum *mumayyiz* dan *mumayyiz* adalah sama seperti larangan ihram kepada jemaah yang sudah mencapai usia baligh.

i. Belum *Mumayyiz*

Pelanggaran larangan ihram oleh kanak-kanak yang belum *mumayyiz* tidak dikenakan dam sama sekali sama ada ke atas wali atau kanak-kanak itu sendiri.

ii. *Mumayyiz*

Konsep penyempurnaan dam akibat pelanggaran larangan ihram oleh kanak-kanak yang *mumayyiz* adalah sama seperti pelanggaran larangan ihram yang dilakukan oleh jemaah baligh.

Dam kesalahan dalam ihram kanak-kanak yang *mumayyiz* ini ditanggung oleh wali daripada hartanya kerana kanak-kanak ini masuk ke dalam ihram umrah dengan keizinannya.

2. Rukun Kedua: Tawaf

(a) Sebelum Tawaf

i. Belum *Mumayyiz*

Wali hendaklah membawa kanak-kanak melakukan tawaf dan wali hendaklah memastikan segala syarat tawaf dipatuhi oleh kanak-kanak tersebut sebagaimana syarat-syarat tawaf bagi orang dewasa seperti suci daripada hadas kecil dan besar serta bersih daripada sebarang najis dan kotoran.

Kanak-kanak lelaki yang belum berkhatan, wali hendaklah memastikan bahawa di bawah kulup (kulit yang menutupi kepala zakar) telah dibersihkan sebelum dia diwudukkan (belum *mumayyiz*) atau berwuduk (*mumayyiz*).

Wali juga hendaklah memastikan bahawa kanak-kanak yang memakai lampin pakai buang sentiasa berada dalam keadaan bersih serta tiada najis di dalam lampin tersebut sepanjang melakukan tawaf.

ii. *Mumayyiz*

Kanak-kanak yang *mumayyiz* hendaklah diajar supaya melakukan tawaf dengan sendiri.

(b) Ketika Tawaf

i. Belum *Mumayyiz*

Jika kanak-kanak tidak mampu tawaf dengan sendiri seperti yang belum *mumayyiz*, mereka boleh melakukan tawaf sambil berdukung seperti diletakkan kanak-kanak tersebut di atas kedua-dua belah bahu

walinya. Tujuannya adalah untuk memudahkan pengawalan pergerakan bagi memenuhi syarat mengirikan Kaabah semasa tawaf.

Namun perlu diingatkan, tidak sah tawaf bagi wali yang bertawaf secara serentak dengan kanak-kanak yang didukungnya. Oleh yang demikian, wali hendaklah melakukan tawaf secara berasingan, iaitu bermula dengan tawaf bagi diri wali terlebih dahulu sebanyak tujuh pusingan. Setelah selesai melakukan tawaf untuk dirinya, wali tersebut hendaklah melakukan tawaf untuk kanak-kanak yang didukungnya itu tujuh pusingan yang lain pula (14 kali pusingan).

Perlu diingatkan bahawa wali yang tawaf untuk kanak-kanak yang didukungnya itu perlu berada dalam keadaan berwuduk sepanjang tawaf. Begitu juga dengan kanak-kanak yang didukungnya itu. Ini bermakna tidak sah tawaf jika kanak-kanak tersebut tidak berwuduk. Begitu juga tidak sah tawaf kanak-kanak tersebut jika walinya sendiri berada dalam keadaan tidak berwuduk. Begitu juga kedua-duanya mestilah suci daripada najis pada badan dan pakaian mereka serta menutupi aurat kedua-duanya.

Wali boleh meletakkan kanak-kanak yang belum *mumayyiz* dan *mumayyiz* untuk melakukan tawaf di dalam kereta sorong. Ketika menyorong, wali hendaklah memastikan syarat-syarat tawaf dipelihara dengan sempurna seperti sentiasa mengirikan Kaabah. Tawaf secara menyorong kanak-kanak yang belum *mumayyiz*

dan *mumayyiz* oleh wali dikira sah untuk wali yang menyorong dan kanak-kanak yang disorong dalam satu masa (tujuh kali pusingan).

Berittiba' (Membuka Bahu Sebelah Kanan - Lelaki)

i. Belum *Mumayyiz*

Walinya yang menguruskan kanak-kanak tersebut supaya berittiba'.

ii. *Mumayyiz*

Walinya hendaklah menyuruhnya supaya berittiba'.

Al-Ramal (Berlari-lari Anak)

i. Belum *Mumayyiz*

Kanak-kanak yang belum *mumayyiz* dan didukung ketika tawaf, wali yang mendukungnya akan melakukan perbuatan berlari-lari anak tersebut. Namun, berlari-lari anak ini dilakukan jika mudah untuk dilaksanakan dan tidak membawa kesulitan kepada wali yang mendukungnya.

ii. *Mumayyiz*

Kanak-kanak lelaki yang *mumayyiz* disuruh melakukan perbuatan berlari-lari anak dengan sendiri.

(c) Setelah Tawaf

i. Belum *Mumayyiz*

Solat sunat tawaf dilakukan oleh wali untuk kanak-kanak yang belum *mumayyiz*.

ii. *Mumayyiz*

Bagi kanak-kanak yang *mumayyiz* disuruh melakukannya sendiri.

3. Rukun Ketiga: Sai'e

(a) Sebelum Sai'e

i. Belum *Mumayyiz*

Hukum sai'e kanak-kanak adalah sama dengan hukum melakukan tawaf. Wali hendaklah memastikan segala syarat sai'e dipatuhi oleh kanak-kanak tersebut sebagaimana syarat-syarat sai'e bagi orang yang telah baligh.

ii. *Mumayyiz*

Kanak-kanak yang *mumayyiz* hendaklah diajar supaya melakukan sai'e dengan sendiri.

(b) Ketika Sai'e

Hukum sai'e kanak-kanak secara berdukung adalah sama dengan tawaf berdukung, iaitu tidak sah sai'e bagi wali yang bersai'e serentak dengan kanak-kanak yang didukungnya. Oleh yang demikian, wali hendaklah melakukan sai'e secara berasingan, iaitu menyelesaikan sai'e bagi dirinya terlebih dahulu sebanyak tujuh pusingan. Setelah selesai melakukan sai'e untuk dirinya, wali hendaklah melakukan sai'e untuk kanak-kanak yang didukungnya itu tujuh pusingan yang lain pula.

Wali boleh meletakkan kanak-kanak yang *mumayyiz* dan belum *mumayyiz* untuk melakukan sai'e di dalam kereta sorong. Ketika menyorong, wali

dikehendaki memastikan syarat-syarat sai'e dipelihara dengan sempurna seperti sampai ke penghujung tempat sai'e, iaitu Safa dan Marwah. Sai'e yang dilakukan secara menyorong kanak-kanak yang *mumayyiz* dan belum *mumayyiz* oleh wali dikira sah untuk wali yang menyorong dan kanak-kanak yang disorong dalam satu masa.

4. Rukun Keempat: Bercukur/Bergunting

Setelah selesai melakukan tawaf dan sai'e, rambut kanak-kanak tersebut hendaklah dicukur atau digunting untuk bertahallul bagi melengkapkan umrah dan seterusnya bebas daripada larangan ihramnya.

Perlu diingatkan, wali hendaklah memastikan kanak-kanak di bawah jagaannya melakukan kerja-kerja umrah sehingga selesai bermula daripada niat ihram, tawaf, sai'e dan bercukur/bergunting. Hukumnya sama seperti orang dewasa yang berniat ihram umrah dan wajib menyelesaikan kerja-kerja umrah dengan sempurna.

Jika tidak diselesaikan kerja-kerja umrah itu dengan sempurna, kanak-kanak tersebut dikira terus berada dalam ihram dan terikat dengan segala larangan ihram walaupun sudah pulang ke tanah air.

PERANAN IBU BAPA/WALI/PENJAGA/MUTAWIF/SYARIKAT PENGENDALI UMRAH

Ibu bapa/wali/penjaga/mutawif/syarikat pengendali umrah memainkan peranan penting dalam memastikan perjalanan ibadah umrah kanak-kanak terlaksana dengan sempurna.

1. Peranan Ibu Bapa/Wali/Penjaga

- (a) Mempunyai ilmu untuk menunaikan umrah dengan sempurna khususnya dalam permasalahan fiqh umrah kanak-kanak.
- (b) Mengetahui tahap kemampuan kanak-kanak yang akan dibawa bersama-sama seperti tahap kecerdasan, pemikiran dan sebagainya.
- (c) Menghadiri kursus umrah dengan syarikat yang akan mengendalikan perjalanan pakej umrah yang dipilih.
- (d) Mengetahui segala perbelanjaan semasa perjalanan untuk kanak-kanak menunaikan umrah tertanggung ke atas walinya. Hal ini termasuklah dam atau fidyah sekiranya ada.

2. Peranan mutawif

Kebanyakan jemaah yang mengerjakan umrah kurang berpengalaman dan tidak mendalami permasalahan yang akan ditempuhi kecuali dengan bimbingan para mutawif. Oleh hal yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab mutawif membimbing para jemaah yang membawa bayi dan kanak-kanak yang belum *mumayyiz* dan *mumayyiz* secara perhatian penuh supaya mereka tidak melanggar syarat-syarat sah yang ditentukan oleh syarak.

(a) Sebelum

mutawif hendaklah mendalami ilmu umrah kanak-kanak dengan terperinci serta memberikan penerangan khusus kepada para jemaah di bawah bimbangannya yang membawa kanak-kanak sama ada kanak-kanak tersebut belum *mumayyiz* atau *mumayyiz*. Penerangan tersebut termasuklah kaedah pelaksanaan umrah kanak-kanak

dan implikasi sekiranya ibadah umrah tidak dilaksanakan dengan sempurna.

(b) **Semasa**

Semasa melakukan ibadah umrah, mutawif hendaklah sentiasa memberikan perhatian penuh kepada ibu bapa yang membawa bersama kanak-kanak. Mutawif juga hendaklah sentiasa mengingatkan supaya mengikuti tatacara ibadah umrah dan memastikan ibadah jemaah di bawah bimbingannya dilaksanakan dengan sempurna.

(c) **Selepas**

Selepas melaksanakan ibadah umrah, mutawif hendaklah melakukan soal selidik tentang amalan yang telah dilakukan dan membuat penilaian. Seandainya terdapat sebarang kesalahan atau kesilapan hendaklah diperbetul dengan kadar segera sama ada perlu mengerjakan semula rukun yang terdapat kecacatan atau perlu melaksanakan bayaran dam sebelum kembali ke tanah air.

3. Peranan Pengendali Syarikat Umrah

(a) **Sebelum**

Menyediakan satu panduan khusus untuk ibu bapa/wali/penjaga yang membawa kanak-kanak dan melaksanakan taklimat khas umrah kanak-kanak kepada jemaah yang bakal membawa anak-anak bersama semasa menunaikan umrah.

(b) **Semasa**

Menyediakan mutawif yang berilmu dan berpengalaman untuk membimbing jemaah di bawah kendalian syarikatnya bagi melaksanakan ibadah umrah serta

memastikan mutawif tersebut membimbing jemaah melakukan ibadah umrah dengan sempurna.

(c) **Selepas**

Memastikan mutawif melakukan *postmortem* (pascanilai) terhadap jemaah setelah selesai melakukan ibadah umrah khususnya yang melibatkan kanak-kanak serta memastikan jemaah menyelesaikan bayaran dam atau fidyah sekiranya berlaku pelanggaran dalam larangan ihram.


ISU DAN PERMASALAHAN UMRAH KANAK-KANAK

1. Kanak-kanak sama ada *mumayyiz* atau belum *mumayyiz*, tidak diwajibkan untuk melakukan Tawaf Wada'. Ini kerana Tawaf Wada' adalah sebagai penghormatan kepada Tanah Haram Mekah dan tiada kaitan dengan ibadah haji atau umrah. Tawaf Wada' diwajibkan ke atas orang yang mahu keluar daripada Tanah Haram Mekah ke suatu jarak yang melebihi dua marhalah. Oleh kerana kanak-kanak bukan seorang yang mukallaf maka tidak wajib ke atasnya melakukan Tawaf Wadak.
2. Jika kanak-kanak itu baligh sebelum tawaf atau ketika tawaf, umrah tersebut dikira menjadi umrah wajib dan terlepaslah kewajipan umrah atas dirinya.
3. Wali tidak boleh melakukan umrah badal untuk kanak-kanak di bawah jagaannya sama ada yang mengikutnya ke Tanah Suci atau berada di tanah air. Ini kerana kanak-kanak tersebut tidak termasuk dalam golongan yang boleh dibuatkan umrah badal untuknya.
4. Berlaku situasi wali membawa kanak-kanak di bawah jagaannya memasuki Mekah hanya bagi tujuan ziarah sahaja.

Kemudian, setelah masuk ke dalam Tanah Haram Mekah, timbul keinginan wali untuk melakukan umrah bagi kanak-kanak di bawah jagaannya. Dalam keadaan ini, wali hendaklah membawa kanak-kanak di bawah jagaannya tersebut berniat ihram umrah di Tanah Halal (seperti di Tan'ím atau Ji'ranah atau Hudaibiyyah) dengan melakukan segala perkara-perkara sunat sebagaimana yang dijelaskan di atas. Seterusnya, membawanya melakukan tawaf, sai'e dan bercukur atau bergunting mengikut segala syarat-syarat dan sunat-sunatnya.

BAB 4

RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN YANG BERKAITAN DENGAN HAJI DAN UMRAH KANAK-KANAK



Badal Umrah yang Dilakukan oleh Kanak-kanak yang Belum Baligh tetapi Sudah *Mumayyiz* setelah Menyempurnakan Umrahnya Sendiri

Tidak sah sekiranya kanak-kanak tersebut melakukan badal umrah wajib untuk arwah. Walau bagaimanapun, sah sekiranya kanak-kanak tersebut melakukan badal umrah sunat untuk arwah sekiranya diwasiatkan. (Nota: Perkara ini juga terpakai dalam ibadah haji).

Niat Umrah oleh Jemaah Umrah yang Membawa Anak Belum *Mumayyiz* ke Mekah

Sekiranya bercadang dari awal untuk mengerjakan umrah bagi anak tersebut, maka wajiblah bagi wali atau wakil wali untuk berniat ihram dan terikat dengan amalan ibadah umrah yang disyariatkan.

Walau bagaimanapun, tidak menjadi kesalahan bagi ibu bapa untuk membawa anaknya ke Mekah atas niat ziarah sahaja dan bukan untuk mengerjakan umrah. Digalakkannya anak tersebut dibawa untuk mengerjakan tawaf sunat. Malah dinasihatkan wali atau wakil wali mempelajari hukum-hakam berkaitan ibadah haji dan umrah serta adab ziarah kanak-kanak sekiranya bercadang mengerjakan haji ataupun umrah bagi mereka.

***Muwalat* dalam Tawaf**

Menurut pendapat yang *asoh* (paling kuat), *muwalat* antara pusingan tawaf adalah sunat *muakkad*. Jika tiada keuzuran dan *masyaqqah* (halangan), jemaah hendaklah menyelesaikan ketujuh-tujuh pusingan secara *muwalat* kerana memutuskan pusingan tanpa uzur adalah makruh.


Kewajipan ibadah Umrah dan Pelaksanaannya Masa Kini

Dam kanak-kanak *mumayyiz* yang melakukan larangan ihram semasa umrah merupakan tanggungjawab wali yang diambil daripada harta wali. Kanak-kanak belum *mumayyiz* yang melakukan larangan ihram semasa umrah tidak dikenakan dam. Walau bagaimanapun, wali hendaklah menasihatkan kanak-kanak *mumayyiz* dan belum *mumayyiz* supaya mematuhi larangan ihram.

Penjelasan Resolusi Muzakarah Haji

Daripada Resolusi Muzakarah Haji di atas, kanak-kanak yang dirangsangkan oleh ibu bapa mereka untuk menunaikan umrah apabila mereka *mumayyiz* adalah sangat digalakkan dengan syarat kanak-kanak tersebut melakukan ibadah umrah dengan berpandukan *Maqasid Syariah* dan ada bimbingan.

BAB PENUTUP



Hukum melaksanakan ibadat umrah kanak-kanak adalah sunat dan perlu dilaksanakan semula setelah mencapai usia baligh. Pelaksanaan umrah kanak-kanak dapat dilaksanakan dengan sempurna apabila memenuhi kesemua hukum dan syarat-syarat umrah. Peranan ibu bapa/wali/penjaga, mutawif dan agensi pengendali umrah haruslah digarapkan dengan semaksimum yang mungkin agar ibadah umrah dapat dilaksanakan dengan sempurna dan memastikan umrah kanak-kanak itu adalah sah. Sekiranya ibadah umrah kanak-kanak tidak dilaksanakan dengan sempurna ia akan memberi kesan yang berpanjangan kepada kanak-kanak tersebut sehingga dewasa.

RUJUKAN

- Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, Cetakan Kedua Puluh Dua. 2013. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Abu Daud, Sulaiman Ibn al-Asy'ath. 1430H. *Sunan Abi Daud*. Tahqiq: Syu'aib al-Arna'uut, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Ahmad Ibn Hanbal. 2001M. *Al-Musnad*. Tahqiq: Syu'aib al-Arna'uut. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Bukhari, Muhammad Ibn Isma'il. 1422 H. *Sahih al-Bukhari*. Tahqiq: Muhammad Zuhair al-Nasir. Jeddah: Dar Tuq al-Najah.
- Ibn Hajar, Ahmad Ibn 'Ali. 1379H. *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Tahqiq: Muhib al-Din al-Khatib. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Hakim, Muhammad Ibn 'Abdillah. 1990 M. *Al-Mustadrak 'ala al-Sahihain*. Tahqiq: Mustafa 'Abd al-Qadir 'Ata. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Yahsabi, 'Iyad Ibn Musa. 1998M. *Ikmal al-Mu'lim bi Fawaid Muslim*. Tahqiq : Yahya Ibn Isma'il. Misr: Dar al-Wafa`.
- Muslim Ibn al-Hajjaj. 1427H. *Sahih Muslim*. Tahqiq: Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi.
- Akta Kanak-kanak 2001.
- Haji Wan Muhammad Soghir Abdullah. 2005. *Kitab al-Bahrul al-Waafiy wannahru as-Soofiy*. Cetakan Kedua. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayyan-linnas/2512-bayan-linnas-siri-ke-141-perkahwinan-kanak-kanak-mengikut-perspektif-syariah>.
- Ibnu Rusyd. 1991. *Bidayatul Mujtahid*. Kuala Lumpur: Victory Agencie.

- Jamalluddin Hashim. 2019. *Fiqh Umrah Kontemporari Berdasarkan Mazhab Syafie dan Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan*. Selangor: Darul Syakir Enterprise.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2010. *Kamus Dewan*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dawama Sdn. Bhd.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). 2012. *Kompilasi Hukum dan Fatwa Berkaitan Wakaf, Zakat, Haji dan Sumber Am*. Cetakan Pertama. Selangor: Berkat Ikhlas Trading.
- Lembaga Tabung Haji. 2009. *Soal Jawab ibadah Haji Umrah dan Ziarah*. Cetakan Kedua Belas. Selangor: Percetakan Warni Sdn. Bhd.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). 2016. *Manual Pengurusan Kesempurnaan Manasik*. Perak: Produksi Nur-Johan Sdn. Bhd.
- Muhammad Idris Abdul, Al-Marbawi Al-Azhari. 1934 Masihi. *Mukhtasar Sohih at-Turmuzi*. Juzuk Kelima. Dar al-Fikr al-Arabi, 1980.
- Said bin Abdul Qadir Bathiq. 1999 Masihi. *Al-Mughniy fi Fiqh wal Umrah*. Cetakan Kelapan. Beirut-Lubnan, Arab : Dar Ibn Hazm.
- Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani. 2017. *Matla' Badrain*. Jilid 1. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.



www.jawhar.gov.my

**JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI
(JAWHAR)**

JABATAN PERDANA MENTERI,
Aras 8 – 9, Blok D,
Kompleks Islam Putrajaya (KIP),
Jalan Tun Abdul Razak,
Presint 3, 62100 Putrajaya.
Tel: 603-8883 7400
Faks: 603-8883 7406



- ❑ Facebook : facebook.com/jabatanwakafzakatdanhaji
- ❑ Tiktok : [myjawhar](https://myjawhar.tiktok.com/@myjawhar)
- ❑ Instagram : [jawhar_jpm](https://www.instagram.com/jawhar_jpm/)
- ❑ Youtube : [jawharchannel](https://www.youtube.com/c/jawharchannel)
- ❑ X : [@jawhar_jpm](https://twitter.com/jawhar_jpm)